



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

***PELANCARAN SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN KHAS
WANITA (DanaNITA)***

**BALLROOM, ARAS 6,
HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR**

**09 MAC 2017 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Bismillahirramaniraahim

Assalamualaikum w.b.t

SALUTASI SEWAJARNYA

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur Seminar Pembangunan Usahawan Wanita 2017. Terima kasih juga kepada pihak penganjur kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dalam majlis pada pagi ini.

2. Saya secara peribadi merasakan kehadiran puan-puan hari ini mencerminkan kesungguhan dan kewibawaan anda ke arah memperkukuhkan perancangan strategik bagi menjadi usahawan yang berupaya merintis dan melakar kejayaan seterusnya merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

3. Tujuan program ini diadakan adalah bagi melahirkan dan membantu usahawan wanita yang baru dan sedia ada sebagai pelapis kepada kepimpinan pada masa hadapan agar lebih ramai usahawan wanita yang berjaya, berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing.

4. Program yang dilaksanakan ini juga dapat mewujudkan dan memperluaskan rangkaian usahawan-usahawan wanita serta menjadi pusat rujukan dan sokongan ekonomi terutamanya dalam sektor-sektor strategik.

LIBERALISASI EKONOMI

5. Dalam mendepani cabaran masa depan yang semakin hari semakin mencabar dengan pemusatan gelombang liberalisasi yang kian memuncak, sudah pasti ia menuntut usahawan untuk lebih bersedia, peka dan respon mengikut perkembangan semasa.

6. Kita akan lihat aktiviti perdagangan semakin bertambah dan berkembang pesat dalam negara. Maka peluang dan juga cabarannya akan bertambah besar

sejajar dengan dasar dan polisi negara. Justeru itu, kita perlu ada kesedaran ini untuk melihat secara lebih luas bagaimana kita boleh meraih peluang hasil proses liberalisasi dalam negara.

7. Kerajaan berharap dapat melihat sumbangan lanjut sektor perkhidmatan terhadap ekonomi, daripada angka 55 peratus pada masa ini kepada lebih 70 peratus, selari dengan struktur ekonomi maju yang lebih matang.

8. Ini bagi memastikan rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada saingan yang dinamik yang mencorakkan pasaran global dalam mendapatkan idea, bakat dan dana, supaya syarikat-syarikat di Malaysia dan rakyat Malaysia menjadi lebih kuat, lebih bersifat global dan akhirnya bertahan dalam *order* dunia baru ini.

WANITA DAN KEUSAHAWANAN

9. Bidang keusahawanan telah menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi negara, terutama negara-negara maju dan sedang maju. Bidang keusahawanan telah dilihat sebagai bidang yang dapat meningkatkan ekonomi dan daya saing negara, menjana pendapatan individu, mengatasi masalah kemiskinan, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru serta meningkatkan kualiti kehidupan.

10. Alhamdulillah, di negara kita, sektor keusahawanan dilihat semakin berkembang, malah tidak dipelopori oleh kaum Adam sahaja. Kita melihat *trend* terkini bahawa semakin ramai kaum wanita menceburi dunia keusahawanan. Kita amat gembira dengan perkembangan positif ini dan adalah menjadi hasrat kerajaan agar lebih ramai wanita terkehadapan dan mampu menguasai sektor ini secara serius.

11. Kita sememangnya sedar dan mengakui peranan dan kebolehan kaum wanita dalam dunia perniagaan dan keusahawanan. Pengiktirafan kaum wanita sebagai rakan kongsi dalam pembangunan negara boleh dilihat sejak tahun 1989 lagi melalui Dasar Wanita Negara (DWN) yang telah digubal.

12. Dua puluh peratus (20%) perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini dimiliki oleh usahawan wanita dan golongan ini tidak dinafikan mempunyai kedudukan yang kukuh dalam landskap perniagaan di negara ini melalui sumbangan mereka sama ada di dalam mahu pun di luar negara.

13. Oleh itu, peningkatan kepentingan wanita dalam perniagaan harus digalakkan dan ditonjolkan apatah lagi golongan ini mewakili 49 peratus (49%) iaitu 14 juta dari keseluruhan populasi negara ini.

KEUSAHAWANAN DI BAWAH MARA

14. Dalam bidang keusahawanan, MARA telah melahirkan hampir sejuta usahawan dalam pelbagai bidang yang menyumbang kepada kekayaan kepada Bumiputera dan saya pasti golongan wanita turut menerima faedah daripada program yang ditawarkan oleh MARA iaitu pinjaman perniagaan, penyediaan premis, khidmat nasihat dan konsultasi, program pemasaran serta pembangunan industri.

15. Dalam konteks pembangunan usahawan, hampir 700,000 orang usahawan telah dibangunkan melalui pelbagai program seperti latihan, pembangunan standard perniagaan, teknousahawan serta pemasaran dan penjenamaan. Selain itu, lebih 200,000 orang usahawan juga telah dibantu untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui kemudahan pembiayaan perniagaan.

16. MARA juga merupakan pelopor kepada konsep *retails* dengan mewujudkan bazar dan juga arked yang berfungsi sebagai pusat inkubasi kepada usahawan Bumiputera untuk mula menjalankan perniagaan. Malah, MARA kini mempunyai hampir 500 projek premis perniagaan dengan lebih 7,000 ruang niaga di seluruh negara.

17. Ruang niaga yang memberi manfaat kepada lebih 7,000 usahawan Bumiputera dalam pelbagai lapangan perniagaan ini membolehkan mereka menjana pendapatan sebanyak RM2.624 billion setahun di samping mewujudkan lebih 20,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN KHAS WANITA (DanaNITA)

18. Dalam tempoh RMK-10 hingga kini iaitu dari tahun **2011 hingga Februari 2017**, MARA telah meluluskan pembiayaan kepada 37,992 usahawan dan 4.56% daripada jumlah tersebut merupakan usahawan wanita.

19. Kita memandang serius langkah-langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan lagi penglibatan wanita dengan lebih agresif dalam perniagaan, membantu wanita untuk meningkatkan jumlah pendapatan isi rumah dan memberi suntikan modal untuk meningkatkan prestasi perniagaan usahawan wanita daripada usahawan mikro kepada makro.

20. Maka pada hari ini akan dilancarkan satu program khusus bagi pembangunan usahawan wanita di bawah MARA yang dinamakan "**DanaNITA**".

21. Terdapat dua skop pembangunan usahawan wanita di bawah program DanaNita ini iaitu: Pertama adalah memfokuskan kepada **Latihan dan Bimbingan** dan yang kedua adalah melalui **Pembiayaan Khas** bagi merencanakan penyertaan golongan ini dalam dunia keusahawanan.

22. Bagi latihan dan bimbingan, suka saya umumkan bahawa kita akan memperuntukkan sebanyak **RM5 juta** bagi tujuan ini. Kita sasarkan, **5,000 usahawan** wanita akan menerima manfaat daripada peruntukan yang kita salurkan ini. Antara latihan yang kita berikan adalah pembentukan usahawan, motivasi serta pelan perniagaan bagi mereka yang baru bertatih untuk menjadi usahawan.

23. Seterusnya kita akan memandu mereka untuk terus berkembang melalui latihan pengurusan perniagaan, pensijilan dan piawaian serta memadankan perniagaan mereka dengan "key player" dari sudut pemasaran produk. Dan akhirnya, melalui latihan dan bimbingan kita akan kukuhkan lagi perniagaan mereka sehingga mampu muncul sebagai pemain industri (*industrial player*) pada masa hadapan.

24. Kedua, bagi pembiayaan khas pula, kita akan salurkan peruntukan khas sebanyak **RM30 juta** bagi memperkasa lebih **1,250 usahawan wanita**. Skim ini fokus kepada usahawan berumur antara 18-60 tahun dengan melibatkan **had pembiayaan sebanyak RM50,000** berkonsepkan pembiayaan patuh syariah.

25. Saya melihat program usahawan ini merupakan platform terbaik bagi melahirkan dan memperkasakan usahawan wanita khususnya dan kepada Bumiputera amnya.

26. Kita perlu mengenal pasti syarikat Bumiputera dan bakal usahawan yang baik yang boleh diketengahkan seterusnya ditransformasikan menjadi ikon dan kebanggaan kepada bangsa dan negara kita.

27. Langkah membantu Bumiputera dengan cara yang salah tidak akan memberikan hasil yang mampan. Kita mahu menjadikan mereka lebih berdaya tahan dan kompetitif dengan memberi nilai tambah yang tinggi kepada perusahaan mereka.

NEGARA MAJU BERPENDAPATAN TINGGI

28. Menyedari hakikat ini, di peringkat kementerian kita telah meletakkan antara salah satu objektif di bawah “Membandarkan Luar Bandar” ialah meningkatkan budaya keusahawanan dalam masyarakat kita. Di peringkat Kementerian dan MARA, sememangnya banyak program-program pembudayaan keusahawanan bagi para pelajar sedang dan akan kita laksanakan bermula dari peringkat sekolah rendah sehinggalah ke peringkat IPT.

29. Sebuah negara maju yang kita impikan selama ini adalah sebuah negara yang berasaskan keusahawanan. Untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berorientasikan keusahawanan atau **Entrepreneurial Nation**, maka kita perlu berupaya membangunkan **entrepreneurial people** atau golongan usahawan, **entrepreneurial companies and organizations** dalam kalangan

syarikat/organisasi, dan akhirnya menjadikan masyarakat kita sebagai masyarakat yang berorientasikan keusahawanan atau ***entrepreneurial society***.

30. Oleh itu, program yang kita lancarkan pada hari ini menterjemah usaha kita dalam konteks pembangunan usahawan (*entrepreneurial development*), penciptaan peluang pekerjaan (*job creation*) dan peluang perniagaan (*business opportunities*) yang seterusnya akan mencipta kekayaan (*wealth creation*) untuk rakyat dan negara.

31. Diharapkan usaha seumpama ini mampu merubah landskap sosioekonomi dan pemikiran masyarakat daripada hanya bercita-cita menjadi pekerja (*job seekers*) kepada pencipta peluang pekerjaan (*job creators*) atau usahawan yang mampu mencipta kekayaan untuk dirinya, masyarakat dan bangsa. Kita mahu keusahawanan bukan lagi hanya bidang kerjaya pilihan tetapi mahu keusahawanan ini menjadi budaya (*culture*) masyarakat kita.

32. Selaras dengan sifat usahawan iaitu meneroka peluang-peluang yang baru, saya mahu para usahawan kita keluar daripada tradisi dengan hanya menumpukan kepada pasaran dalam negara sahaja. Sebaliknya kita perlu melihat peluang-peluang pasaran ke luar negara terutama dalam kalangan negara ASEAN yang pada ketika ini mempunyai taburan penduduk melebihi 600 juta orang.

33. Malah, 15% daripada penduduk ASEAN ini adalah berstatus kelas menengah yang mempunyai kuasa membeli (*purchasing power*) yang tinggi. Justeru, kita perlu melihat perkara ini sebagai peluang perniagaan yang perlu diterokai dan seterusnya menterjemahkannya kepada penjana pendapatan yang tinggi kepada kita.

34. Semua pihak sama ada ahli pentadbiran atau ahli perniagaan mengemblem tenaga dan idea untuk kita sama-sama membawa perubahan secara bersepadu dan komprehensif bagi mengekang apa jua ancaman ataupun persekitaran yang kian mencabar.

35. Maka dengan kata-kata itu dan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasminya melancarkan **SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN KHAS WANITA** atau **dikenali sebagai DanaNITA.**

36. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.